

BERITA HARIAN

DATE: 26/01/2008

Kemiskinan, buta huruf negara Islam perlu ditangani

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, isu kemiskinan, peratusan tinggi buta huruf dan kemunduran dalam negara Islam perlu ditangani dalam usaha memerangi keganasan.

"Ia perlu ditangani kerana apabila seseorang itu miskin, ia berasa disisihkan, dihalang mendapat sesuatu dan sebab itu mereka melakukan pelbagai tindakan agar mendapat perhatian," katanya dalam temu bual ringkas dengan CNN malam tadi.

Perdana Menteri berkata, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sedang melakukan sesuatu untuk mendengar masalah penduduk di negara Islam.

"Saya sudah memperkenankan program pembinaan keupayaan bagi membantu negara miskin dalam OIC dan ia sedang berjalan dengan baik," katanya ketika ditanya sama ada beliau prihatin dengan kenyataan bahawa suara Islam sederhana ditenggelami oleh kebangkitan kegiatan pelampau dan retorik anti-Barat.

Malaysia adalah Pengerusi semasa OIC yang mempunyai 57 anggota.

Abdullah berkata, beliau prihatin mengenai kegiatan penganas.

"Kita perlu memahami sebab akar umbi berlaku

kegiatan keganasan, tetapi ia satu perkara yang tidak ramai yang orang mahu terbabit dalam perbincangan mengenainya.

Orang ramai tidak mahu tahu sebab kegiatan keganasan, tetapi hanya mahu mengambil apa saja tindakan menentanginya, yang kebanyakannya 'sangat keras' dari segi tindakan ketenteraan," katanya.

Abdullah berada di Davos, Switzerland untuk menghadiri World Economic Forum (WEF) bersama-sama dengan pemimpin global dan perniagaan yang lain.


Mengenai pilihan raya, Abdullah berkata, pilihan raya umum akan diadakan di negara ini apabila semua perkara berada dalam keadaan baik.

Beliau berkata, ketika ini beliau beranggapan orang ramai sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya berkenaan.

"Saya tidak boleh beritahu tarikhnya, saya belum membubarkan Parlimen," katanya ketika ditanya sama ada pilihan raya umum akan diadakan pada pertengahan Mac dan adakah beliau akan mengadakan pilihan raya lebih awal.

Katanya, banyak perkara perlu dihadapi dan banyak isu pada masa depan serta beliau memikirkkan bahawa mandat yang baik daripada rakyat memang sesuatu yang bagus.

Ketika ditanya spekulasi bahawa pilihan raya umum akan diadakan sebelum Datuk Seri Anwar Ibrahim layak bertanding, Abdullah berkata: "Itu bukan faktor yang berada dalam fikiran saya, banyak perkara lain saya perlu fikirkan sebelum menca-



ULAS PANDANGAN: Abdullah ketika temu ramah ringkas oleh CNN dari Davos.

FAKTA NOMBOR

Peratusan miskin di Malaysia

1.2

Miskin tegar

5.7

Orang miskin

dangkan Parlimen dibubarkan dan menetapkan tarikh pilihan raya."

Selain itu, ketika ditanya mengenai langkah dibuat untuk menangani masalah yang ditimbulkan Barisan Bertindak Hak-Hak Hindu (Hindraf), Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah berbincang dengan kumpulan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili kaum India.

"Kita juga ada wakil untuk berbincang dengan kumpulan sami. Kita bercakap dengan banyak pihak. Setakat ini untuk menangani pelbagai isu membabitkan rakyat Malaysia,

kita sedang buat sepanjang masa dan kita tahu kita sudah melakukannya dengan baik.

"Tapi masih ada peratusan kecil orang miskin dan 1.2 peratus terdiri daripada miskin tegar, manakala orang miskin ada 5.7 peratus.

"Kita dapat mengurangkan kadar kemiskinan pada 60 peratus apabila kita baru mencapai kemerdekaan, banyak kejayaan sudah dicapai.

"Jika anda mahu bercakap soal orang miskin... kita belum menyelesaikan agenda memerangi kemiskinan sepenuhnya," katanya.